



DADAH yang dilupuskan kastam, semalam.

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Kuala Langat

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melupuskan 1,200 kilogram dadah bernilai RM48 juta di Telok Panglima Garang, dekat sini, semalam.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan) Datuk Johari Alifah berkata, dadah yang dilupuskan itu membabitkan rampasan kes pada 2018.

“Barang kes ini dirampas oleh JKDM pada 2018 dan sudah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia serta disahkan mengandungi bahan methamphetamine dan heroin.

“Proses pelupusan dilakukan secara bakar menggunakan

Lupus ‘najis’ RM48 juta

JKDM musnah rampasan dadah seberat 1.2 tan guna insinerator dalam masa dua jam



JOHARI (kanan) memasukkan bungkusan dadah ke dalam tong untuk dilupuskan.

nakan insinerator mengikut garis panduan yang sudah ditetapkan,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, dadah berkenaan dilupuskan selepas kes selesai dan mendapat arahan untuk melakukan pelupusan.

Katanya, proses pelupusan dadah berkenaan mengambil masa dua jam.